

TELECENTER KOMUNITI LUAR BANDAR DAN PERANAN BELIA

GUSNI SAAT

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan peranan kaum belia dalam menjayakan projek telecenter komuniti dan manfaatnya sebagai sumber informasi dan alat komunikasi kepada kaum belia untuk membina kerjaya. Bagaimana telecenter mengekalkan solidariti mereka dengan komunitinya, walaupun mereka telah bekerja di bandar, juga dibincangkan. Data makalah ini adalah berdasarkan pengalaman lima buah Projek Telecenter komuniti pribumi di Sarawak dan Sabah, kendalian ISITI-CoERI UNIMAS. Makalah ini menegaskan bahawa golongan belia adalah pra-syarat kejayaan sesebuah projek telecenter komuniti luar bandar. Ini kerana beberapa tugas penting dalam proses mengasaskan telecenter memerlukan penglibatan aktif mereka. Ia merangkumi penjana maklumat dan menggerakkan penyertaan komuniti, menjadi pelatih dan juru latih penggunaan telecenter dalam komuniti serta sebagai pengguna aktif telecenter. Internet telecenter telah menjadi laluan pantas kaum belia komuniti menjana maklumat dan menjadi alat komunikasi mereka dengan dunia luar tanpa terhalang oleh kedudukan petempatan yang terpencil. Hanya menggunakan internet telecenter tanpa perlu ke bandar, kaum belia komuniti akses kepada peluang pendidikan dan pekerjaan. Kemudahan komunikasi (internet dan telefon satelit) di telecenter komuniti telah menyebabkan kaum belia yang bekerja di bandar kerap balik ke kampung berbanding sebelumnya. Ia telah melestarikan solidariti mereka dengan komuniti. Disamping itu mereka juga terus dapat membantu meningkatkan pembangunan komuniti.

Kata Kunci: *Belia, Telecenter, Komuniti, Bandar, ISITI-CoERI*

ABSTRACT

This article is discussed a role of youths in established community telecentre, its advantages (telecenter) as a source of information and means of communication for them to develop their careers. How telecentre be able to cohesive youth's solidarity with their communities also was discussed. A data of the article is entirely based on experiencing of five ISITI-CoERI indigenous community telecentres in Sabah and Sarawak. Arguments of the article are the youths indeed are pre-condition to secure the successful of establishing the telecenter of rural community. It was due to certain pertinent tasks in the process of establishing the telecenter is needed their roles such as to generate community's data and mobilization, to be a training-trainers and to be an active user of the telecenter. The telecentre's internet has become instant means for them to generate useful information as well as their communication with outsiders regardless their settlements remoteness.